

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM
[BALING]**

TARIKH : 16 JULAI 2019 [SELASA]

SOALAN NO. 26

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan jaminan untuk memperkasa pendapatan atau mata pencarian pekebun-pekebun kecil getah memandangkan pada ketika ini hasil pendapatan mereka masih diklasifikasikan sebagai rendah untuk menampung kos sara hidup semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperkasa pendapatan atau mata pencarian pekebun kecil getah terutamanya melalui agensi RISDA. Inisiatif tersebut adalah: seperti berikut:

- i) Inisiatif Jangka Pendek: bertujuan memberi bantuan segera kepada pekebun kecil yang terkesan dengan kemerosotan harga komoditi global dan bencana alam agar dapat meringankan bebanan kewangan mereka. Antara bantuan yang disediakan adalah:
 - a) Penangguhan SES Getah (PSG) bertujuan untuk menangguhkan cukai yang dikenakan kepada setiap kilogram getah asli yang dikeluarkan sama ada untuk jualan tempatan atau dieksport ke luar negara berikutan penurunan harga purata bulanan SMR 20 (f.o.b).
 - b) Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) bagi memastikan pekebun kecil memperoleh pendapatan pada hari tidak menoreh akibat musim tengkujuh.
- ii) Inisiatif Jangka Panjang: bertujuan untuk memperkasa pendapatan isi rumah pekebun kecil getah. Antara bantuan yang disediakan di bawah inisiatif ini adalah seperti:
 - a) Bantuan Tanam Semula Getah Ke Getah bertujuan menggalakkan pekebun kecil menanam semula getah tua atau tidak ekonomik kepada klon getah yang terbaik dan diiktiraf.
 - b) Bantuan Tanam Semula Getah Ke Tanaman Lain bertujuan menggalakkan pekebun kecil menanam

NO. SOALAN : 26

semula getah tua atau yang tidak ekonomik dengan tanaman lain selain dari getah bagi kawasan yang tidak sesuai ditanam dengan getah. Antara tanaman lain yang disyorkan ialah sawit, kelapa matag, mangga, nanas dan spesis balak.

- c) Skim Insentif Produktiviti Getah (SIPG) bertujuan menyalurkan input pertanian iaitu baja dan penggalak susu getah kepada pekebun kecil yang mempunyai kebun-kebun getah matang untuk meningkatkan produktiviti kebun seterusnya meningkatkan pendapatan pekebun kecil getah.
- d) Pembangunan Infrastruktur Pemasaran (PAP) bertujuan menyediakan bantuan untuk membina atau membaikpulih kemudahan infrastruktur pemasaran bagi membolehkan pekebun kecil menjual secara berkelompok untuk memendekkan rangkaian pemasaran seterusnya mendapat harga jualan getah yang lebih tinggi.
- e) Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) bertujuan menggalakkan pekebun kecil dan ahli isi rumah menceburi bidang keusahawanan. Bantuan yang diberi adalah meliputi mata benda (*in kind*), iaitu peralatan dan bahan input pengeluaran.
- f) Program Pembangunan Usahawan bertujuan menyediakan bimbingan dan latihan keusahawanan seperti pembangunan produk, pemasaran produk, pensijilan dan akreditasi, jaringan pemasaran serta premis perniagaan dan pemasaran.

Sekian, terima kasih.